




Aku & Buku

Editors:
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai

2025



Aku & Buku




Editor:

*Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai*

Penerbit:

UiTM Cawangan Kedah

e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

Hak Cipta

Hak cipta@ adalah milik penulis/pemilik asal. Penyuntingan bahasa dan pembacaan pruf telah dijalankan oleh pasukan editorial dengan kebenaran penulis.

Segala pandangan, pendapat dan syor teknikal yang dikemukakan oleh penyumbang adalah tanggungjawab mereka sepenuhnya dan tidak semestinya mencerminkan pendirian editor, fakulti atau universiti.

Tiada bahagian dalam penerbitan ini yang boleh diterbitkan atau dipindahkan dalam apa jua bentuk atau cara, sama ada secara elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, salinan semula atau sebarang sistem simpanan dan capaian, tanpa kebenaran bertulis daripada Rektor, UiTM Cawangan Kedah, 08400 Kedah.


eISBN: 978-967-2948-81-0

Diterbitkan oleh:

Universiti Teknologi MARA
08400 Merbok, Kedah, Malaysia

Editor:

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai



Kandungan

Tajuk

Muka Surat

Kata Pengantar

Kata Aluan

Pendahuluan

1. Peneman Setia	1
2. Cinta Ekonometrik dan Cinta Residual	5
3. Inspirasi Dale Carnegie	8
4. Aku, Buah dan Buku	15
5. Dari Cerita Dongeng, Akhirnya Menggapai Impian	20
6. Aku di Alam Buku	24
7. Kisah Imam Syafie	27
8. Menyingkap Kegemilangan Umat Islam di Andalusia	33
9. Kisah Penaklukan Kota Konstantinople oleh Sultan Muhammad Al-Fateh	39
10. Bukuku adalah Teman Karibku	45
11. Korban Kasih	51
12. Buku, Penyelamatku	54
13. Aku, Abah dan Buku	58
14. Sebuah Buku Berwarna Coklat	62
15. TAMAR JALIS: Stephen King Malaya	65
16. Jasa Terindah	68
17. Ditandang Lagi	71
18. Anak Sulung	76
19. Inspirasi Membentuk Jatidiri	79
20. Dari Lemari Antik Moyang ke Troli e-Dagang	82
21. Menara Alam dan Kimia Manusia	86
22. Minat Membaca yang Hilang	91
23. Satu Jam Boleh Merubah Hidup	93
24. Pengembaraan Melalui Kuasa Petikan	96
25. Kāna yāmā kān	99
26. Aku, Buku dan Secangkir Kopi	102
27. Manisnya Senyumanmu	105
28. Anak-anakku & Buku	110
29. Buku Mendidik Aku	114
30. Sebuah Perjalanan Menemukan Diri	118
31. Menggenggam Bara	122
32. Diari Perjalanan Aku dan Buku	126
33. Kertas-kertas yang Harum	129
34. Pasti Ada Minatku	132
35. Aku, 'Buku Pink' dan Tesis: Kisah Kerinduan, Penantian dan Harapan	135
36. Kehidupan dalam Kata: Buku Guru Sebuah Kehidupan	140
37. Manga dan Aku	144
38. Dirimu Sentiasa Ada!	148
39. Sihat with Me	152
40. Aksaramu Inspirasiku	155
41. Kerana Sebuah Buku	159
42. Pahit Manis Pengalaman Bersama Buku	161
43. Ibrah Melalui Syukur	165
44. Kenangan Itu	168
45. Perjalanan Literasi: Dari Perpustakaan Sekolah Hingga ke Universiti	172
46. Buku "Tangan Kedua"	176
47. "달콤한 추억" di Bumi Korea	180
48. Pi Mai Pi Mai Bersua di PBAKL 2024	183
49. Baca Buku? Nerdlah Pulak!	186
50. Kekuatan di Sebalik Buku Pemberian Sahabat	190



Kata Pengantar

Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah inisiatif murni oleh Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah yang menghimpunkan karya penulisan kreatif oleh seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) dari pelbagai fakulti dan jabatan. Kompilasi ini adalah manifestasi semangat cinta terhadap ilmu, bahasa, dan budaya, serta usaha berterusan untuk memupuk pemikiran kritis dan ungkapan kreatif di kalangan warga universiti.


Penulisan dan penerbitan merupakan antara medium utama dalam penyebaran ilmu, dan ia memainkan peranan penting dalam pembentukan masyarakat berilmu dan berbudaya. Namun di samping kesibukan menulis artikel ilmiah berimpak tinggi, projek Aku & Buku muncul bagi menawarkan peluang warga universiti untuk menulis buah fikiran dan pengalaman peribadi dalam bentuk santai namun sampai ke hati pembaca. Himpunan karya-karya kreatif ini bukan sahaja menyemarakkan lagi arena kesusasteraan tanah air, tetapi turut memberi peluang kepada para akademik untuk menyuarakan idea, pandangan, dan imaginasi mereka dalam bentuk yang segar dan bermakna.

Sebagai institusi pengajian tinggi yang sentiasa mendokong nilai keilmuan dan pengembangan minat dalam apa jua bentuk penulisan, UiTM berbangga dapat menyokong dan merealisasikan penerbitan buku ini. Semoga karya-karya yang terkandung dalam kompilasi ini menjadi sumber inspirasi dan rujukan berharga kepada pembaca dari pelbagai lapisan masyarakat.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya serta pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan ini.


Selamat membaca.

Ketua Editor,
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai





Kata Aluan



Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadirat Illahi kerana dengan izin-Nya, Projek Aku & Buku berjaya diterbitkan. Kompilasi ini merupakan manifestasi minat yang tinggi terhadap bahasa dan penulisan kreatif, yang lahir daripada ilham serta komitmen seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya, serta warga kerja yang terlibat dalam menjayakan projek ini. Usaha ini membuktikan bahawa institusi pengajian tinggi bukan sahaja menjadi medan penyebaran ilmu, malah turut menyemarakkan elemen budaya dan kreativiti dalam penulisan.

Unit Penerbitan

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai
Siti Mukhlisa Mohamad Khairul Adilah
Nurfarisya Hafiz
Berlian Nur Morat
Nor Asni Syahriza Abu Hassan
Syakirah Mohammed
Hajjah Sharina Saad
Mas Aida Abd Rahim
Syazliyati Ibrahim
Abdul Majeed Ahmad

Penyunting


Berlian Nur Morat

Pereka Layout & Grafik

Asrol Hasan

Semoga buku ini menjadi inspirasi kepada para pembaca dan terus menggalakkan penghasilan karya kreatif yang berkualiti pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.



Pendahuluan

Penulisan kreatif merupakan medium penting dalam menyampaikan nilai, emosi dan pemikiran masyarakat. Ia bukan sekadar hiburan, malah berperanan dalam mencorak budaya intelektual dan memperkaya khazanah ilmu. Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah himpunan karya penulisan kreatif yang lahir daripada ilham dan bakat warga akademik, khususnya dari Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, serta sumbangan penulis dari fakulti dan institusi lain.

Kompilasi ini menampilkan pelbagai genre dan gaya penulisan yang mencerminkan kepelbagaian latar belakang dan pengalaman para penulisnya. Usaha ini sejajar dengan aspirasi UiTM dalam menggalakkan budaya penulisan, penyelidikan, dan penerbitan sebagai tunjang penyebaran ilmu yang berterusan kepada masyarakat.

Menerbitkan karya kreatif dalam bentuk buku bukan sahaja membuka ruang kepada ekspresi diri, tetapi juga memperkukuh peranan institusi pengajian tinggi dalam memperkaya wacana sastera tempatan. Semoga buku ini dapat menjadi pencetus inspirasi, pemangkin idea, serta wadah untuk menyemai minat terhadap dunia penulisan dan pembacaan.



Menara Alam dan Kimia Manusia

Helmisyah Ahmad Jalaludin

Universiti Teknologi MARA, Cawangan Terengganu Kampus Bukit Besi

Awal tahun 2020 begitu mencabar dengan pelbagai hal global. Aku yang bersifat global hanya mampu memikirkan hal-hal kecil. Entah apalah aktiviti yang bakal aku lalui sepanjang tahun itu. Selesai juga satu lagi buku bacaanku pada kali itu. '101 Essential Tips: Hiking' yang aku tarik dari rak buku di bilik belakang rumah mak di Bangi, merupakan panduan ringkas yang menarik untuk jalan-jalan menikmati alam. Tak tahu siapa pemilik sebenar buku ini, tapi aku rasa seperti kepunyaan kakakku, Almarhumah Kak Mas. Telah kembali ke rahmatullah pada Ogos 2021. Al-Fatihah untuk beliau. Mula-mula tengok di kulit buku seperti buku percuma dari Koko Krunch ataupun hadiah percuma Happy Meal yang sudah kehabisan alat permainan yang sepatutnya dalam minggu tersebut. Apabila dibelek, buku ini nampak menarik dengan bahan kertas licin berwarna penuh.

Sebuah buku terkini yang aku beli ketika itu daripada seorang penjual buku terpakai, di laman Instagram telah pun sampai ke pangkuan. Buku berjudul 'The Alchemist' menjadi koleksi setiap variasi reka bentuk kulit. Setiap kali pakej sampai daripada penjual tersebut, pasti ada barang bonus yang tak disangka, siap dengan balutan istimewa berucapan sahabat pena. Dua batang pen pelbagai warna, buku naskhah Yasin atau seangkatannya, dan makanan khasiat juga terselit sama dalam bungkusan. Terima kasih atas perkhidmatan luar jangka. Itu yang masih dalam ingatanku. Sambil membelek buku tersebut, aku menjamah ubi kayu rebus berserta sambal bilis, teringat lagu Hati Rindu (Terkenang Semasa Dulu) oleh R. Azmi. Bak kata sebahagian liriknya, "Waktu Jepun serang Tanah Melayu, hari-hari dek cekik ubi kayu, badan gemuk tidak menentu". Aku taklah sempat hidup pada zaman Jepun. Tapi kalau balik kampung nenek atau rumah Maklong di Sijangkang, merasa juga ubi kayu rebus cicah ikan masin, gula, sambal bilis. Itulah zaman kecilku.

The Alchemist (1988) merupakan salah satu karya terbaik Paulo Coelho yang mengikuti kisah mistik seorang gembala muda Andalusia bernama Santiago, yang mengembara ke piramid Mesir untuk mencari harta karun yang berulang kali diimpikannya. Pencariannya membawa langkah kepada kekayaan yang jauh berbeza dan jauh lebih memuaskan. Mendengar suara hati, mengenal peluang, dan belajar dari pelbagai guru dan membaca petanda yang bertaburan di sepanjang jalan kehidupan. Dan yang terpenting ialah untuk mengejar impian kita. Secara keseluruhan, ia sebuah buku yang penuh dengan hikmah dan pengajaran berharga yang boleh memberi inspirasi kepada kita untuk menjalani kehidupan yang lebih bermatlamat dan bermakna. Judul ini telah diperkenalkan oleh seorang sahabat beberapa tahun sebelumnya. Selepas membacanya, aku berasa seolah aku yang sedang menjalani kehidupan dalam cerita itu.

Gerik? Tiadalah pernah aku meluangkan masa di tempat ini. Hanya sekadar laluan atas alasan kerja ke Pulau Mutiara. Kali ini, aku sekali lagi membawa semangat Santiago, menyertai kumpulan tanpa kenalan setelah semangat Gunung Tahan tahun lepas mengguris hati. Aku telah mendaftar untuk bersama menyertai kumpulan hiking ke Gunung Alai di Gerik, Perak. Aku merancang untuk bergerak lebih awal sehari agar tidak kelewatan dan dapat berehat secukupnya sebelum mula mendaki pada pukul 2.00 pagi.

Selesai program petang Khamis itu, aku sudah menyiapkan bekalan makanan Opie dan anaknya. Itulah dua ekor kucing belianku ketika itu yang diambil percuma daripada pemilik dari Setia Alam yang ingin melepaskannya. InsyaAllah, sudah aku sampaikan pesan kepada Azizul, rakan serumahku untuk menjaga kucing sepanjang ketiadaanku. Sempat pula aku mengusik Ridzuan selepas selesai program kampus. Solat asar dinanti beramai-ramai dengan gosip dan jenaka. Begitulah rutin bersama sahabat-sahabat sekerja di UiTM Cawangan Terengganu Kampus Bukit Besi. Menanti waktu solat petang masuk setelah usai kuliah.

Perjalananku bakal menempuh dugaan sepanjang laluan dari Bukit Besi ke Jerangau, Ajil, Kuala Terengganu, Setiu, Jerneh, Machang. Selepas Machang, barulah aku merasa lega kerana sudah lewat malam, tiadalah banyak kereta yg lalu-lalang. Berhenti juga aku di pasar malam Chalok Barat selepas Sungai Tong. Memandu selama 1 jam 30 minit agak memenatkan. Sudah nak selesai pasar malam tersebut walaupun baharu pukul 8.00 malam. Sempatlah mengambil gambar sotong katak yang agak besar. Aku meneruskan perjalanan sehingga kelihatan hentian RnR baharu di Hentian Rahmat. Tiadalah banyak kedai yang beroperasi ketika itu. Tapi selepas aku melabuhkan punggung di bangku kosong, datanglah seorang pekerja Coffee Cafe mengambil pesanan makanan. Aku tanpa teragak-agak memesan Hazelnut Latte panas berharga RM5.00. Hiasan dan rasa agak menarik dan sedap. Terlupa pula hendak mengambil gambar makanan untuk ditularkan. Perut sangat kenyang, maka memandulah aku dengan penuh berhati-hati. Banyak juga tempat menarik yang hendak disinggah, seperti gerai Sate Jabi. Namun aku meneruskan perjalanan pada malam itu ke arah Jerneh. Pelbagai juga tarikan di pekan ini, tapi aku terus ke Machang. Seusai solat jamak di salah satu masjid yang menjadi kebiasaan persinggahanku, aku terus ke Tanah Merah. Pada hari pertama perjalananku itu, jam menunjukkan pukul 11.00 malam. Aku berfikir sejenak sama ada menginap di hotel atau meneruskan perjalanan. Aku menyasarkan untuk sampai di Kedai Kari Kepala Ikan Salim di Gerik dalam pukul 11.00 malam esoknya. Tiadalah pula jumpa hotel Oyo berdekatan. Aku pun terus ke Jeli dan tidur di kawasan funfair yang sedang menutup tirai.

Terjaga pukul 4.30 pagi, aku menyambung perjalanan menuju arah Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Sayup kedengaran suara azan budak kecil di telingaku yang sedang tidur ayam dalam Ford Ranger berhampiran kedai 7 Eleven di sekitar UMK. Seolah azan tersebut datang dari masjid UMK kerana kelihatan menaranya dari tempat meletak kenderaanku. Hati tertanya bolehkah aku menumpang solat dalam universiti itu. Jam dah pukul 6.20 pagi, aku memulas kunci menghidup enjin dan bergegas ke aras pekan Jeli, kalau-kalau terjumpa masjid di tepi jalan. Tak sampai 2 minit, terjeling masjid dari celah laluan, aku terus membelok ke situ dan kedengaran imam mula membaca separuh kedua As-Sajadah. Selesai solat, sedikit kupasan ayat Al-Quran sebagai kuliah subuh, aku berfikir tidak mahu mandi terlalu awal kerana dingin pagi itu. Aku terus bergerak ke hadapan lagi menuju pusat bandar Jeli, singgah dahulu di Azmi Fried Chicken (AFC) tapi masih tutup awal pagi, dan terlihat pula kedai makan Kak Nie Sohor Gulai Bekwoh setelah berpusing-pusing di jalan utama pekan Jeli. Memesan nasi kerabunya yang berwarna kuning, jarang kulihat, sambil meminta izin untuk makan bekalku sendiri. Setelah itu, aku memesan air panas untuk diisikan ke dalam Thermos. Masa berjalan pantas. Beruntung aku hari itu kerana terdapat kakak yang menjaga kedai tersebut dan seorang pelanggan lelaki yang ramah belaka.

Perlahan-lahan aku memandu sehingga ke kawasan rehat Titiwangsa. Kenderaan tidak terlalu banyak sepanjang mendaki laluan Jeli-Gerik ini. Sampai di RnR tersebut, ramai juga orang berhenti melihat pemandangan termasuk keluarga, bas pelancongan, dan kumpulan motosikal. Selesai mengambil gambar, aku meneruskan perjalanan ke arah Tasik Banding yang terkenal dengan Empangan Temenggor. Inilah kali pertama aku memandu sendiri di jalan ini. Kebiasaannya aku melalui jalan ini dengan menaiki kenderaan UiTM. Seronok rasanya apabila memandu perlahan di kawasan ini. Pemandangan alam semula jadi yang masih dara dan udara segar dari pepohon liar.

Satu ketika sebelum sampai di kawasan Hutan Belum, terdapat sebuah lori membawa kampitan besar warna hitam. Memang nampak beratnya. Dua buah kereta tak berjaya memotong lori tersebut. Belakang Ford aku pun sudah berderet dengan kenderaan lain. Tiba-tiba ada sebuah Honda Civic cuba memotong kenderaanku secara terdesak dan menjadi mengisi ruang antara kenderaanku dan lori di hadapanku. Ini menyebabkan aku kekurangan ruang selamat sehingga membuatkan aku memijak brek secara mengejut. Pemanduan berbahaya seperti itu di jalan bengkok-bengkok boleh mengundang bahaya luar jangka kepada orang lain.

Tiba di jambatan pertama Tasik Banding, kelihatan Royal Belum Resort berada di kiriku. Aku melepasi palang pintu masuk resort tersebut setelah membayar tiket meletak kenderaan sebanyak RM5.00 kepada pengawal keselamatan disitu. Lagi sejam sahaja sebelum masuk waktu solat Jumaat, sempatlah memesan hidangan Laksa Sarawak dan Jus Nanas untuk santapan tengah hari di Hornbill. Kelazatannya sesuai dengan harga makanan. Terdapat juga tarikan menarik lain seperti kios pameran orang asli di Malaysia, dan rumah kayu Temenggong yang sangat bercirikan tradisional. Kelihatan markas Regimen Askar Melayu berada di kanan hujung jambatan kedua. Dan sebelah kiri itu tersergam Hotel Banding yang telah lama ditinggalkan. Macam-macam cerita misteri pernah aku dengar tentang hotel ini. Sementara hari masih siang, aku sempat memandu Fordku naik ke perkarangan hotel seram itu. Di Restoren Hornbill tadi, sempat aku bertanya pada salah seorang pekerja tentang masjid terdekat. Katanya boleh solat Jumaat di markas askar. Tapi macam tiada orang luar yang masuk ke kawasan markas untuk bersolat pun. Jam menunjukkan 12.30 tengah hari. Masih sempat untuk mencari masjid yang lain. Aku pun terus memcut ke hadapan lagi sampai ke satu kawasan perumahan yang ada 99 Speedmart. Untung rasanya setelah memandu jauh dari kawasan berkemudahan. Aku berhenti bertanya kepada abang yang menjual makan tengah hari di sebelah kedai serbaneka tersebut. Katanya ada surau yang mengadakan solat Jumaat di taman perumahan ini. Memudahkan sungguh setelah berada di kawasan ini. Selepas solat nanti, bolehlah aku mencari makan lagi.

Selesai memendekkan rambut di kedai gunting rambut berhampiran, aku berjalan kaki ke sebuah gerai pisang goreng. Sebentar nanti, baru la aku bersiap untuk bergerak ke tempat berkumpul kumpulan hiking malam ini. Aku berasa segar selepas mandi sebelum solat jumaat tadi. Ramai juga penduduk Islam di kawasan ini. Walaupun cuaca terik, matakku tetap segar mendengar khutbah. Setelah memesan pisang nangka goreng, aku duduk merenung sekeliling. Mata tertancap pada sebuah kereta Toyota Corolla jenis lama berwarna merah. Teringat aku ketika menaiki kereta Corolla milik Almarhum Ayah sewaktu aku masih kecil. Aku suka merenung pemandangan di luar tingkap terutama ketika pulang ke kampung nenek. Tingkapnya menggunakan tuar pemutar untuk diturun dan naik. Sayang tak pernah merasa pendingin hawanya sejak aku dilahirkan atas sebab rosak, sehinggalah kereta tersebut dijual dengan harga RM500 kerana terlalu banyak kerosakan. Syukur aku sempat puas memandu kereta tersebut sebagai latihan untuk mendapatkan lesen memandu semasa aku di prauniversiti.

Suatu ketika menyelongkar rak failku di Bangi, terjumpa beberapa dokumen yang aku jarang nampak sebelum ini. Mesti Almarhum Ayah yang simpan di dalam almari lamanya. Ayah sejenis yang sentimental. Suka menyimpan barang lama untuk rujukan. Dan salah satu harta bernilai buatku ialah buku puisi. Sebuah antologi puisi diselenggara Rahman Shaari berjudul Pesan Camar. Ia kompilasi puisi hasil dari projek Perkampungan Penulis GAPENA Malaysia-Sumatera Barat, Indonesia (1995) anjuran GAPENA dan Taman Budaya Padang, Sumatera Barat. Pesan Camar mungkin telah digunakan untuk panduan puisi STPM sebelum ini. 'Manisnya Pertemuan Dalam Perjalanan' karangan Nur Ilham Ismalis mendapat perhatian matakku pada petang itu. Pisang goreng kusorong ke mulut sambal menitip helaian muka surat buku tersebut.

Hari sudah mula gelap. Akhirnya sampai ke tempat berkumpul di Kedai Kari Kepala Ikan Salim. Nampaknya aku antara yang terawal. Jadi, makan malam menjadi agenda utama aku pada waktu itu. Kedai makan Mochi berada di sebelah kedai mamak tersebut. Menarik juga kedai Cina ini. Semakin ramai ahli kumpulan hiking hadir berkumpul di kedai mamak. Aku dah mula mengantuk kerana kekenyangan. Setelah berkenalan dengan penganjur acara dan beberapa peserta lain, aku meminta izin untuk melelapkan mata didalam Ford sementara menunggu peserta lain sampai. Boleh kata, peserta datang dari pelbagai negeri. Aku melaras jam loceng di telefon bimbit kepada pukul 1.00 pagi untuk bangun.

Semua peserta akhirnya siap berkumpul di kedai mamak 24 jam itu pada pukul 1.30 pagi. Kami semua bersiap-siaga bergerak menaiki kenderaan masing-masing dan memandu mengikut kenderaan penganjur dari belakang sehingga sampai ke titik permulaan hiking di dalam ladang getah. Pukul 2.33 pagi, pendakian bermula setelah taklimat keselamatan dan senaman ringan. Dalam gelap gelita, berlampukan mentol di kepala, berdinginkan kabus pagi di perladangan sehingga menembus perhutanan, akhirnya sampai puncak lebih kurang pukul 5.00 pagi. Laluannya agak mencabar dengan gabungan laluan berbatu, berakar pokok, bersemak samun, dan memanjat tanah tinggi. Seramai 31 orang yang turut serta hadir dari Pulau Pinang, Kedah, Perak, Kuala Lumpur, dan Negeri Sembilan. Hanya aku dari pantai timur.


Terdapat empat checkpoint, termasuk yang terakhir di puncak. Dari puncak, boleh dilihat secara samar-samar Gunung K2 kerana kabus tebal ketika sebelum subuh. Ia merupakan singkat bagi Gunung Kenderong dan Gunung Kerunai. Kami terpaksa menunggu hingga terbit fajar jika ingin melihat dengan jelas apa yang ada di hadapan. Dalam kegelapan, hanya nampak bintang dan lampu perumahan dalam kesamaran. Pengalaman mencabar bertambah apabila perut mula beragam selain terpaksa berhibernasi dalam kesejukan demi menunggu sehingga matahari terbit.

Kami turun dalam pukul 8.30 pagi dan sampai di tempat meletak kereta dalam pukul 10.45 pagi. Mentari sudah meninggi, kami berjalan meredah laluan berlainan dari puncak dan tembus selepas CP3 ketika menurun. Terasa sedikit laju apabila turun. Tetapi kaki sudah mula sedikit meleceh untuk menahan daya F sin teta ditolakkan dengan F geseran yg tak sekata dan berubah-ubah di permukaan tapak kasut. Syukur kerana lututku mampu bertahan sepanjang menempuh cabaran Alai. Pagi di puncak tadi tak mengapa tak berpeluang melihat awan permaidani kerana ketiadaan hujan. Tak apalah. Cukuplah juga kegembiraan dapat ke puncak walau sejuk dingin sebelum subuh.

Usai ekspedisi itu, aku berada di masjid yang selesa di Gerik, iaitu Masjid Nurussalam, Batu Ampat. Hajat ingin ke kawasan selepas Sungai Petani seketika untuk berjumpa sahabat lama iaitu Tuan Ridwan. Beliau merupakan pesara Ketua Polis Bantuan UiTM Cawangan Terengganu Kampus Bukit Besi.


Perjalanan kali ini membuatkan aku terbayang kisah Seven Years in Tibet. Kisah dari novel dan juga diadaptasi ke filem berasaskan kisah benar itu ditayangkan pada tahun 1997 yang ditetapkan semasa sebelum Perang Dunia II. Seorang pemenang pingat Olimpik Austria yang mementingkan diri sendiri bernama Heinrich berdegil meninggalkan isterinya yang sedang hamil untuk sampai ke puncak Himalaya. Melalui banyak kumpulan, orang, cuaca, kesukaran, dan Tibet dengan Dalai Lama di dalam, dia belajar bagaimana untuk hidup sebagai seorang yang rendah hati yang baik. Ini sememangnya memberikan inspirasi. Terdapat doa Dalai Lama seperti yang dikatakan, "Semoga semua pengembara mendapat kebahagiaan ke mana sahaja mereka pergi. Tanpa sebarang usaha, semoga mereka mencapai apa sahaja yang mereka ingin lakukan. Dan setelah selamat kembali ke pantai, semoga mereka dapat bersatu semula dengan sanak saudara mereka." Tibet adalah tempat yang bagus.

Sesiapa pun pasti mempunyai fasa yang sukar. Kehilangan sesuatu adalah nyata. Tetapi, berapa banyak lagi kita perlu menyerah kalah? Dan berapa lama kita perlu rasakan kehilangan terutama untuk sesuatu yang berharga. Setinggi mana pun kesukaran, pasti dapat dilalui dengan penyelesaian yang pelbagai.



Aku & Buku

2025



e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

